

Rakyat mis

kin diutamakan

kan

tama sekian lama sebelum dibahas.

Tetapi kadang-kadang, setengah rang undang-undang dibahas dalam satu sidang sahaja kerana kesuntukan masa disebabkan sesuatu perkara seperti penghujung tahun dan tidak boleh dibawa ke sidang lain, katanva.

Namun demikian, tegas beliau, wakil-wakil rakyat sama ada daripada parti kerajaan atau pembangkang boleh membahas dengan secukupnya jika mereka berminat.

KUALA LUMPUR, Selasa — Kerajaan meminda Akta Undang-Undang Sivil 1956 untuk menjaga kepentingan rakyat miskiti daripada

Kesuntukan masa

membayar premium insurans yang terlalu tinggi dan memastikan pampasan yang berpatutan, jelas **Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad**

Datuk Seri Dr Mahathir tidak bersetuju sesuatu rang undang-undang itu dibahaskan di luar Parlimen. Katanya, tajuk perkara yang hendak dipinda boleh dibahas oleh sesiapa, tetapi rang undang-undang itu adalah untuk dibahas oleh Dewan sendiri.

Perdana Menteri menegaskan, pindaan itu dibuat kerana kepentingan rakyat keseluruhannya dan bukan kerana kepenfingan mana-mana golongan.

"Kalau kita membahasnya dalam akhbar atau di mana-mana forum, keputusan tidak dapat dicapai kerana dalam perbincangan sedemikian, bermacam pendapat dikemukakan yang mungkin dipengaruhi oleh emosi dan kurang pengetahuan tentang tajuk itu," ujarnya.

Katanya, memanglah baik kalau seseorang mangsa kemalangan dibayar pampasan yang tinggi bagi kemalangan yang berlaku ke atasnya, tetapi haruslah diingat bahawa pampasan itu bukan diberi percuma.

Perdana Menteri juga menafikan pindaan Akta Undang-Undang Sivil itu dibuat berdasarkan kepada pindaan yang dibuat oleh Britain,

"Ia mestilah dibiayai oleh premium kepada syarikat insurans dan sebagainya. Jadi kalau kita hendak kepada pampasan yang tinggi, maka premium juga akhirnya akan ditingkatkan," ujarnya.

"Saya yang muianya menyatakan betapa pentingnya kita mengadakan satu undang-undang berkenaan perkara ini setahun dahulu. Jadi pihak yang berkenaan seperti peguam-peguam dan persatuan pengguna bolehlah membahaskan tajuk itu," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir memvatakan demikian ketika ditemubual dalam rancangan *Ehwal Semasa* menerusi Televisyen Malaysia malam ini.

Beliau menambah, kerajaan merancang undang-undang itu kerana ia telah melihat apa yang berlaku di negara asing yang keadaannya amat buruk.

Pindaan kepada akta itu, yang diluluskan oleh Parlimen dalam **sidangnya Julai** lalu, mendapat bantahan **daripada beberapa** pertubuhan dan persatuan kerana mereka **mendakwa** ia diluluskan tergesa-gesa dan menghadkan jumlah pampasan.

Perdana Menteri mengingatkan, jika **rakyat** Malaysia menjadi satu masyarakat **yang gemar mendakwa** di mahkamah, golongan yang miskin akan mengalami kerugian.

Katanya, kerajaan **bertanggungjawab terhadap kepentingan** negara dan oleh itu **ia** tidak boleh memandangkan kepada **sesuatu** kes dalam **mahkamah** sahaja.

"**Kita** mesti **pandang** menyeluruh, bukan kepada orang yang mendapat **pampasan tetapi** orang yang membayar premium, yang lebih ramai daripada yang akan mendapat pampasan.

Gemar mendakwa

"Pampasan itu didapati oleh **seseorang** hasil **daripada** bayaran premium oleh orang ramai, jadi orang-orang inilah yang akan menanggung, bukannya syarikat insurans," **jelasnya**.

Mengenai kadar **pampasan** \$10,000 yang ditetapkan oleh akta itu, beliau menjelaskan, wang sejumlah itu **mungkin** tidak bermakna **bagi golongan** tertentu masyarakat, tetapi **ia** adalah **besar bagi** orang yang bergaji **rendah**.

Katanya, kerajaan boleh menaikkan **kadar pampasan itu** kepada \$25,000 atau \$100,000, **tetapi pada prinsipnya ia** hendak menjaga **kepentingan orang** miskin supaya mereka tidak **dikenakan premium** yang terlalu tinggi.

Ditanya mengapa rang undang-undang **pindaan** itu diluluskan oleh Parlimen secara **tergesa-gesa**, **beliau menjelaskan** bahawa sebenarnya arahan yang **diberi** ialah supaya sesuatu rang undang-undang itu disebut **pada** kali Per-